



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

SEDA MALAYSIA 2024-2028

Amanat Pengerusi

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertamanya, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmatnya Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia telah berjaya mengeluarkan Pelan Antirasuah bagi rujukan warga kerja SEDA Malaysia.

Pelan OACP yang dibangunkan ini adalah selaras dengan objektif strategik Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan pada tahun 2019 oleh mantan YAB Perdana Menteri yang ketujuh.

Pelan ini bertujuan untuk menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang, mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam perolehan, kewangan dan pelaburan serta memperkasa kecekapan pelaksanaan sumber manusia dan governans secara intensif, menyeluruh dan mampan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses perangkaan Pelan OACP SEDA Malaysia ini. Semoga usaha murni dan komitmen yang diberikan bagi menjayakan Pelan ini dapat membentuk masyarakat yang berintegriti dan disanjung tinggi, seterusnya mengharumkan nama negara di seluruh dunia.

Ahmad Zairin Ismail
Pengerusi
SEDA Malaysia



Perutusan

Ketua Pegawai Eksekutif

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pembangunan Pelan OACP ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dilancarkan pada tahun 2019 dengan matlamat utamanya untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Pelan OACP SEDA 2024-2028 ini merupakan satu inisiatif warga kerja SEDA secara kolektif untuk bersama-sama menyahut seruan kerajaan bagi menyediakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah. Sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Pihak Berkuasa mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pengurusan organisasi adalah telus, berintegriti dan bebas rasuah, selaras dengan aspirasi nasional supaya

“Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”.

Pelan OACP ini akan membantu warga SEDA Malaysia untuk lebih fokus, terurus dan sistematik dalam menjalankan tugas-tugas harian. Hal ini juga dapat memastikan aspek kawalan dan pemantauan bagi program dan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan dapat dilaksanakan mengikut sasaran tempoh masa yang ditetapkan selain turut memberikan kualiti, pulangan hasil atau impak yang disasarkan.

Semoga dengan pelaksanaan Pelan OACP SEDA Malaysia ini, Pihak Berkuasa dapat mengangkat imej badan-badan Kerajaan sebagai sebuah organisasi yang cekap, telus dan bebas rasuah.



Dato' Hamzah Hussin
Ketua Pegawai Eksekutif
SEDA Malaysia

Dari Meja *Integriti*

“Warga SEDA Malaysia komited bagi memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang digubal dalam Pelan OACP ini dapat dilaksanakan dengan telus, cekap dan berintegriti”

Pelan Antirasuah Organisasi / Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) SEDA 2024-2028 adalah komitmen dan iltizam Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dalam memerangi rasuah dan salah laku integriti demi kesejahteraan organisasi.

Sejajar dengan kehendak kerajaan yang telah dinyatakan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP), Pelan OACP 2024-2028 ini telah dibangunkan berdasarkan inisiatif mandatori di bawah Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan dalam Sektor Awam.

Selaras dengan nilai-nilai teras SEDA Malaysia mengenai kepentingan akauntabiliti dan tadbir urus, semua warga kerja SEDA bertanggungjawab untuk menyokong aspirasi kerajaan dalam meletakkan Malaysia di kedudukan ke-25 dalam pengukuran Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang tahun 2033.

Justeru, Pelan OACP ini merupakan usaha bersama yang diyakini dapat memberi nilai tambah kepada tadbir urus, integriti, dan usaha antirasuah di SEDA Malaysia. Kami kekal komited untuk memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang digubal dalam Pelan OACP ini dapat dilaksanakan dengan telus, cekap dan berintegriti, bagi meletakkan SEDA Malaysia sebagai organisasi yang berprestasi tinggi pada masa hadapan.

Nazilatul Hidayah Abdull Rohimi
Pegawai Integriti
SEDA Malaysia



TERAS STRATEGIK MALAYSIA MADANI

“Akta Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti akan diperkenalkan sebagai panduan tatakelola bebas rasuah kepada semua entiti, baik dalam sektor awam ataupun swasta. Kerajaan menyasarkan kedudukan ke-25 teratas buat Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah sedunia dalam tempoh 10 tahun.”

TEKS UCAPAN PERDANA MENTERI
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
11 September 2023

Salah satu daripada empat (4) Teras Strategik Malaysia MADANI telah dikenalpasti sebagai fokus utama Kerajaan kini, iaitu:

Membina semula ekonomi, melalui pendekatan *humane economy* menerusi penstrukturan semula ekonomi berasaskan etika dan kemampanan. Perlu menjauhi kemewahan, pembaziran, **ketirisan, rasuah** dan menyegerakan prasarana rakyat dan bantuan, merapatkan jurang pemisah dan melaksanakan kesamarataan kekayaan secara saksama;

Sumber:
TEKS AMANAT YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI KETUA SETIAUSAHA NEGARA
SEMPENA MAJLIS AMANAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAHUN 2023

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SEDA Malaysia 2024-2028 ini telah dibangunkan dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Objektif utama OACP SEDA 2024-2028 adalah:

1. Menggariskan kerangka dan hala tuju dan tindakan pencegahan bagi menangani isu dan permasalahan rasuah khususnya di dalam SEDA Malaysia dengan lebih jelas dan berkesan.
2. Membudayakan amalan kerja yang berteraskan kecemerlangan melalui sistem pentadbiran SEDA Malaysia yang cekap, berintegriti, bermoral, beretika.
3. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama berpasukan warga kerja SEDA membanteras rasuah.
4. Meningkatkan imej SEDA Malaysia dan kepercayaan pemegang taruh serta masyarakat ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh SEDA Malaysia.

Visi utama OACP SEDA 2024-2028 adalah menjadikan warga kerja SEDA berintegriti melalui tiga misi yang telah ditetapkan iaitu:

1. Memperkasakan dan memperkukuhkan governans, integriti dan antirasuah warga SEDA.
2. Meningkatkan kecekapan ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus baik dan membudayakan amalan nilai murni dalam kalangan warga kerja SEDA.
3. Memperkemaskan jati diri warga kerja SEDA Malaysia dalam memastikan ketelusan dan integriti untuk mewujudkan persekitaran bebas rasuah.





Sesiapa yang bertakwa kepada Allah SWT nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangka. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan keperluannya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusanNya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu

(Surah At-Talaq Ayat : 2-3)



ISI KANDUNGAN

BAB 1

PENGENALAN 11

Latar Belakang SEDA Malaysia 12

Fungsi dan Peranan SEDA Malaysia 13

Visi, Misi Dan Nilai Teras 14

Pembudayaan Integriti di SEDA Malaysia 14

Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) 16

SEDA Malaysia 2024-2028

BAB 2

ISU DAN CABARAN 21

Senario Rasuah di Malaysia 22

Elemen Antirasuah 23

Kepentingan Perancangan Senario 24

Senario Masa Hadapan 25

Gejala Rasuah Dalam Organisasi 26

BAB 3

ANALISIS DATA 30

Kajian Mengenai Isu Rasuah, Governans dan Integriti 31

Bidang Keutamaan OACP SEDA Malaysia 34

Analisa Kuadran: Pelan Tindakan OACP SEDA Malaysia 35

Proses Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 39

BAB 4

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH 40

Keperluan Kerangka Pelan 41

Kerangka Pelan Antirasuah SEDA Malaysia 42

Bidang Keutamaan: Operasi Dan Perkhidmatan Teknikal 45

Bidang Keutamaan: Perolehan, Kewangan 47

Bidang Keutamaan: Pelaburan 49

Bidang Keutamaan: Governans Dan Pentadbiran 50

Mekanisme Pelaksanaan Dan Penyelarasan 53

BAB 5

PENUTUP 55

Ahli Jawatankuasa 56

Penghargaan 58

GLOSARI BAGI SINGKATAN & AKRONIM

NACP	<i>National Anti Corruption Plan/</i> Pelan Antirasuah Nasional
OACP	<i>Organizational Anti Corruption Plan/</i> Pelan Antirasuah Organisasi
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
ASPRM	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
CRM	<i>Corruption Risk Management/</i> Pengurusan Risiko Rasuah
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif
UI	Unit Integriti
TBB	Tenaga Boleh Baharu
PETRA	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
CPI	<i>Corruption Perception Index/</i> Indeks Persepsi Rasuah
TL	Tenaga Lestari
AKPK	Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit
DAA	<i>Declared Annual Availability</i>
FIT	<i>Feed in Tariff</i>
CoI	<i>Conflict of Interest</i>
IO	<i>Integrity Officer/</i> Pegawai Integriti
IIM	Institut Integriti Malaysia
HoD	<i>Head of Department</i>
APBPTL	Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari
NEM	<i>Net Energy Metering</i>
PKG	Pemegang Kelulusan Galakan
JKAI	Jawatankuasa Audit dan Integriti
JTK	Jawatankuasa Tatakelola



BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang SEDA Malaysia

Fungsi dan Peranan SEDA Malaysia

Visi dan Misi

Pembudayaan Integriti di SEDA Malaysia

LATAR BELAKANG

SEDA MALAYSIA

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 [Akta 726] (Akta PBPTL). Pihak Berkuasa telah ditubuhkan pada 1 September 2011 dengan peranan utama mentadbir dan mengurus pelaksanaan mekanisme *Feed in Tariff* (FIT) melalui mandat yang diberikan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] (Akta TBB).

Tanggungjawab utama Pihak Berkuasa tidak terhad kepada TBB, malah merangkumi usaha mempromosi penggunaan teknologi cekap tenaga serta pendekatan bagi mengurangkan penggunaan tenaga.



FUNGSI SEDA MALAYSIA



SEDA Malaysia berfungsi sepertimana yang telah termaktub di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011, atau mengikut mana-mana undang-undang tenaga lestari yang mempunyai fungsi berikut:

- » Menasihati Menteri dan Entiti Kerajaan yang berkaitan tentang segala perkara yang berhubungan dengan tenaga lestari, termasuklah syor tentang dasar, undang-undang dan tindakan yang hendaklah dipakai untuk menggalakkan tenaga lestari;
- » Menggalakkan dan melaksanakan objektif dasar negara bagi tenaga boleh baharu;
- » Menggalakkan, merangsang, memudahkan dan membangunkan tenaga Lestari;
- » Melaksanakan, menguruskan, memantau dan mengkaji semula sistem tarif galakan, termasuklah menjalankan penyiasatan, mengumpulkan, merekodkan dan menyelenggarakan data, maklumat dan statistik berkenaan dengan sistem tarif galakan dan memberikan data, maklumat dan statistik itu kepada Menteri sebagaimana yang dikehendakinya dari semasa ke semasa;
- » Melaksanakan undang-undang tenaga lestari dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang itu kepada Kerajaan Persekutuan;
- » Menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam sektor tenaga lestari, termasuklah mengesyorkan kepada Entiti Kerajaan yang berkaitan insentif berhubungan dengan cukai, duti kastam dan eksais dan insentif fiskal yang lain yang terpakai bagi pelaburan itu;
- » Menjalankan atau mengatur perjalanan penyelidikan, penilaian, kajian dan perkhidmatan nasihat, mengumpul, menganalisis dan menyiarkan maklumat, statistik dan faktor yang mempengaruhi atau yang berkaitan dengan pembangunan tenaga lestari, dan menyebarkan maklumat, statistik dan faktor yang berkaitan itu kepada Entiti Kerajaan, orang awam dan pelabur atau pelabur berpotensi yang melabur dalam tenaga lestari;
- » Mengendalikan, menggalakkan dan menyokong, mengikut cara yang difikirkan patut oleh SEDA Malaysia aktiviti penyelidikan dan inovasi yang berhubungan dengan tenaga lestari;
- » Menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberikan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang tenaga lestari dan melaksanakan apa-apa fungsi lain yang merupakan tambahan kepada, bersampingan dengan, atau berbangkit dari mana-mana fungsi yang dinyatakan di atas.

VISI, MISI DAN NILAI TERAS


VISI

Untuk menjadi agensi peneraju dalam mempromosikan penggunaan tenaga lestari (TL) sebagai salah satu daripada langkah penyelesaian untuk mencapai jaminan dan autonomi tenaga.



MISI

- » Memastikan TL memainkan peranan penting di dalam pembangunan ekonomi negara dan pemuliharaan alam sekitar
- » Memastikan program-program TL yang sedia ada diuruskan secara berhemah dan cekap
- » Menilai secara berterusan potensi baru penyelesaian TL dengan kerjasama pihak berkepentingan tempatan dan antarabangsa, untuk mempelbagai dan melengkapkan portfolio program TL sedia ada; dan
- » Mendorong orang ramai untuk menerima tanggungjawab dalam anjakan paradigma, ke arah kehidupan mampan.



NILAI TERAS

Dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab kami kepada rakyat Malaysia, Pihak Berkuasa beroperasi berlandaskan nilai-nilai teras yang berikut:


AKAUNTABILITI:

Kami bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang yang berkaitan dengan TL.



TADBIR URUS:

Kami menjalankan kerja dengan telus, terbuka dan penuh integriti




KECEKAPAN DAN KOMPETENSI:

Kami menjalankan kerja-kerja berdasarkan piagam pelanggan yang dinyatakan untuk mencapai matlamat secara efektif

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA:

Kami berusaha untuk membangunkan sekumpulan bakat untuk industri TL sekaligus mempercepatkan pertumbuhannya.



PEMBUDAYAAN INTEGRITI DI SEDA MALAYSIA



Ikrar Bebas Rasuah pada 8 April 2022



Taklimat Pengukuhan Integriti Siri 1/2023 pada 28 Mac 2023 bertajuk "Ramadhan Dinanti, Perkuh Integriti".



Taklimat Pengukuhan Integriti Siri 2/2023 pada 3 Ogos 2023 bertajuk "Hidup Bermaruah Tanpa Rasuah".



Taklimat Pengukuhan Integriti bertajuk Tumbuk Rusuk: Break the Silent & Pengkisahan dari Tirai Besi pada 26 Oktober 2022



Taklimat Pengurusan Kewangan bertajuk "Mengharungi Cabaran" oleh Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) pada 22 Jun 2022

PEMATUHAN Waktu Bekerja

WARGA KERJA SEDA MALAYSIA

Kegagalan anda mematuhi waktu bekerja adalah bertentangan dengan perenggan 8.17 Kod Etika dan Tatakelakuan SEDA Malaysia

HARI	WAKTU BEKERJA	WAKTU REHAT
SENIN	7.30 pagi - 9.00 pagi (tempoh waktu masuk) sehingga	Isnin - Khamis 1.00 - 2.00 petang
JUMAAT	4.30 petang - 6.00 petang (tempoh waktu pulang) (perlu memenuhi tempoh waktu bekerja sehari - 9 jam termasuk waktu rehat)	Jumaat 12.15 tgh hari - 2.45 petang

Ketua Jabatan perlu memantau pegawai dengan MEMASTIKAN mereka mendapat KEBENARAN sebelum meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja.



WARGA KERJA SEDA MALAYSIA WARGA BERINTEGRITI

- 01 AKUNTABILITI
- 02 BERWIBAWA
- 03 JUJUR
- 04 PATUH KEPADA PERATURAN & UNDANG-UNDANG
- 05 TELUS
- 06 AMANAH
- 07 TIDAK AKURUP PERIBADI

“...Kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkait erat dengan etika. Ia adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari...”



TANGGUNGJAWAB

KETUA JABATAN/PENGARAH BAHAGIAN/KETUA UNIT DAN PENYELIA

- 1. Tidak membuat pemantauan kehadiran warga kerja ke pejabat
- 2. Gagal membuat pemantauan berkaitan bidang tugas serta menguruskan isu tatakelakuan warga kerja
- 3. Lewat melaporkan salah laku kepada pihak bertanggungjawab
- 4. Tidak menyelia kerja warga kerja dengan sewajarnya

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]

(2) Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya, atau tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

TIDAK HADIR BERTUGAS

KETIDAKHADIRAN UNTUK BERTUGAS OLEH SESEORANG PEGAWAI TANPA CUTI ATAU TANPA TERLEBIH DAHULU Mendapat KEBENARAN ATAU TANPA SEBAB YANG MUNASABAH ROLEH MENYEBARKAN DIA DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB.

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605]

Apa Erti Tidak Hadir?

Tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa, pada masa dan tempat pegawai itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.

Apakah Itu Cuti Kecemasan?

Bukan hak mandatori yang boleh diambil sewenang-wenangnya bukan juga cuti tanpa rekod dan perlu mendapatkan kelulusan cuti rehat bagi tarikh cuti kecemasan yang telah diambil. Cuti kecemasan tidak boleh disalahgunakan untuk sengaja tidak hadir ke pejabat.



JADIKAN HATI KITA IKHLAS

(Iqim) hati yang bersih dan jujur; suci; hati; rela (Kamus Pelajar Edisi Ke-2)
(Iqim) hati suci; tidak menipu atau tidak berpura-pura (Kamus Dewan Edisi 4)

"Jangan bersedih jika tiada sesiapa melihat ketika kita melakukan sesuatu yang mulia, kerana fajar juga terbit cantik menerangi bumi di waktu pagi walaupun sebahagian besar penontonnya masih dibuat lena."



RASUAH NAMPAK SENANG DI DUNIA SENGKEK DIAKHIRAT

DEFINISI RASUAH

- Dalam masyarakat tempatan telah wujud beberapa simpulan bahasa yang memberi makna rasuah seperti "tumbuk rasuk" dan "makan sup"
- Perkataan "rasuah" berasal daripada perkataan Arab yang berbunyi "al-risywah". Didalam Al-Quran, rasuah digolongkan dalam kata umum batil, iaitu meliputi juga perkataan jenayah yang lain seperti merompak, memeras ugut dan menipu.



BENGGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH (OACP) SEDA MALAYSIA 2024-2028



Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SEDA Malaysia pada 22-25 Ogos 2023

SESI PEMURNIAN OACP BERSAMA SPRM



Sesi Pemurnian OACP Bersama Pihak SPRM



BAB 2 ISU DAN CABARAN

Senario Rasuah Di Malaysia
Elemen Antirasuah
Kepentingan Perancangan Senario
Senario Masa Hadapan
Gejala Rasuah Dalam Organisasi
Kebimbangan Dan Matlamat Bersama
Senario Rasuah Di Malaysia

SENARIO RASUAH DI MALAYSIA

Penolong jurutera nafi rasuah RM1,500

Sementara seorang penolong jurutera dihadapkan ke Mahkamah Selayan Seremban di sini semalam, atas pertuduhan menyalahgunakan wang rasuah RM1,500 pada tahun 2008.

Mohd Nur Afendi Abdul Wahab, 39, mengaku tidak berbalah ketika pertuduhan di Mahkamah Selayan Seremban di sini semalam, atas pertuduhan menyalahgunakan wang rasuah RM1,500 pada tahun 2008.

Terdah didakwa menyalahgunakan wang rasuah RM1,500 pada tahun 2008 di bawah Seksyen 17(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh didenda mengikut Seksyen 17(2) Akta tersebut.

Beliau dituntut membayar denda RM1,500 atau penjara tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Beliau dituntut membayar denda RM1,500 atau penjara tiga bulan atau kedua-duanya sekali.



Mohd Nur Afendi dituntut ke Mahkamah Selayan Seremban semalam.

Penjawat awam ambil rasuah makin serius

Sebilangan penjawat awam mengambil rasuah semakin serius. Menurut laporan SPRM, rasuah oleh penjawat awam semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Penjawat awam yang mengambil rasuah semakin serius. Menurut laporan SPRM, rasuah oleh penjawat awam semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.



Selain guru kesaan, sektor awam ini masih di tahap yang tidak beres, tapi masih belum perlahan-ranah kita tanggunya.

Rasuah RM100,000 upah didapatkan tender

Belas Ketua Penolong Setiausaha MOA mengulangi tidak berbalah atas dua pertuduhan rasuah.



Seorang bekas Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengulangi tidak berbalah atas dua pertuduhan rasuah RM100,000 upah didapatkan tender.

Terdah didakwa menyalahgunakan wang rasuah RM100,000 upah didapatkan tender.

Rasuah sebagai penyakit kencing manis

Rasuah sebagai penyakit kencing manis. Menurut laporan SPRM, rasuah semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Rasuah sebagai penyakit kencing manis

Rasuah sebagai penyakit kencing manis. Menurut laporan SPRM, rasuah semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Bekas pengarah syarikat didakwa rasuah

Bekas pengarah syarikat didakwa rasuah. Menurut laporan SPRM, rasuah semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.



Bekas pengarah syarikat didakwa rasuah. Menurut laporan SPRM, rasuah semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Tauke didakwa buat tuntutan palsu

Tauke didakwa buat tuntutan palsu. Menurut laporan SPRM, rasuah semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.



Tauke didakwa buat tuntutan palsu. Menurut laporan SPRM, rasuah semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Empat tuduhan rasuah RM176K

Empat tuduhan rasuah RM176K. Menurut laporan SPRM, rasuah semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.



Empat tuduhan rasuah RM176K. Menurut laporan SPRM, rasuah semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

ELEMEN ANTIRASUAH

Isu rasuah wujud dalam pelbagai keadaan tanpa mengira status atau kedudukan individu yang menerima atau memberi. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika. Usaha untuk menangani rasuah boleh difokuskan kepada 3 elemen iaitu:

RASUAH

- » Ikatan sosial yang rapuh di mana hubungan sesama individu lebih bersifat materialistik dan berkepentingan (komisyen dan kekayaan).
- » Rasa tanggungjawab terhadap orang lain yang tiada hubungan semakin hilang.
- » Tindakan yang diambil tanpa menghiraukan risiko kepada orang lain, persekitaran, masa depan bangsa, agama dan negara.




GOVERNANS

- » Kelemahan dalam kepimpinan dan pentadbiran seperti penggunaan sistem secara manual dan tiada pusingan kerja.




INTEGRITI

- » Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas harian.
- » Pencurian maklumat oleh individu yang tidak bertanggungjawab.
- » Berlakunya campur tangan pihak yang mempunyai kepentingan dalam membuat keputusan



KEPENTINGAN PERANCANGAN SENARIO



SENARIO MASA HADAPAN

Merupakan gambaran kepada senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenal pasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal telah disediakan. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah meletakkan empat senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

SENARIO KESINAMBUNGAN (*CONTINUATION*)

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan NACP tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mapan.

SENARIO KEKANGAN (*LIMITS AND DISCIPLINED*)

Masa hadapan yang menunjuk kepada visi yang digariskan dalam NACP tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran

SENARIO PERKEMBANGAN (*GROWTH*)

Masa hadapan di mana hasil kewujudan NACP telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

SENARIO MERUDUM (*DECLINE AND COLLAPSE*)

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekaligus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.

GEJALA RASUAH DALAM ORGANISASI



KEBIMBANGAN BERSAMA

Kebimbangan bersama merangkumi ancaman risiko yang diterjemahkan melalui empat (4) senario yang dibayangkan. Sekiranya amalan rasuah tidak ditangani, masa hadapan bakal suram.

RASUAH BERAKAR UMBI, MENJADI KEBIASAAN DAN SEBAHAGIAN DARIPADA BUDAYA

USAHA PEMBAHARUAN TIDAK MAMPAN DAN TIDAK TERKAWAL

USAHA DAN AGENDA ANTIRASUAH DIPANDANG REMEH OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN

TADBIR URUS KORPORAT DIPERSENDA

PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN DILIHAT TIDAK BERKESAN KERANA TADBIR URUS YANG LEMAH

PEMBUATAN KEPUTUSAN YANG MENGELIRUKAN KHUSUSNYA BERKAITAN ISU DASAR UTAMA

ANCAMAN TERHADAP PRIVASI DAN HAK ASASI

KURANG SOKONGAN DAN KERJASAMA DARIPADA WARGA KERJA

MATLAMAT BERSAMA

Matlamat bersama mewakili nilai dan prinsip yang memberi cerminan ke atas idea yang diterokai secara bersama dan diutamakan semasa membangunkan senario tersebut. Senario ini merangkumi matlamat dan harapan masa hadapan yang ingin dicapai. Ia memerlukan komitmen jitu dan kolektif daripada seluruh warga kerja SEDA.

**KEJAYAAN DALAM PEMBAHARUAN TADBIR URUS KHUSUSNYA BERKAITAN
PROSES DAN STRUKTUR**

USAHA PEMBANTERASAN RASUAH YANG MAMPAN DAN BERTERUSAN

PEMERKASAAN ORGANISASI SERTA BEBAS DALAM USAHA MEMBANTERAS RASUAH


**KERJASAMA YANG LEBIH ERAT DI KALANGAN AGENSI-AGENCI LUAR SERTA
PENYELARASAN YANG LEBIH TERATUR**

PEMUPUKAN NILAI DAN INTEGRITI MELALUI PENDIDIKAN DI PELBAGAI PERINGKAT

PERANAN TEKNOLOGI DALAM MENINGKATKAN KETELUSAN DAN MENGEKANG RASUAH

SENARIO RASUAH DI MALAYSIA

STATISTIK TANGKAPAN DAN TUDUH SPRM MENGIKUT PECAHAN KUMPULAN PERJAWATAN BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2023



*Kesemua data diperoleh melalui CRIS

Unit Statistik Cawangan Perisytiharan Harta & Statistik (CPHS),
Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat (BPRM),
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
14.09.2023



BAB 3

ANALISA DATA

Kajian Mengenai Isu Rasuah, Governans Dan Integriti
Bidang Keutamaan OACP SEDA Malaysia
Analisa Kuadran
Proses Pembangunan OACP SEDA Malaysia


KAJIAN MENGENAI ISU RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI

Kajian soal selidik telah dilakukan terhadap warga kerja SEDA Malaysia bagi mengumpulkan maklumat berkaitan risiko rasuah, integriti dan governans. Berikut merupakan dapatan dari soal selidik yang telah dilakukan:


Bahagian 1: Rasuah




Jawatan dan fungsi terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah




Pengetahuan tentang tuntutan palsu adalah kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009)




Hebahan maklumat berkaitan undang-undang kepada warga kerja




Pematuhan warga kerja terhadap tatacara, garis panduan dan arahan yang sedang berkuatkuasa.



Pernah ditawarkan/ menerima rasuah oleh seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi




Pernah memberi rasuah kepada seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi beliau




Pernah menerima sebarang pemberian/ hadiah daripada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan rasmi kepada organisasi anda

Bahagian 2: Governans

Tahu tentang kewujudan undang-undang, polisi & dasar, peraturan, pekeliling, arahan, perintah tetap, garis panduan, standard operating ...atan, tugas dan tanggungjawab anda di organisasi?



Tahu tentang undang-undang, polisi & dasar, peraturan, pekeliling, arahan, perintah tetap, garis panduan, standard operating procedure dan senara ...gungjawab yang dilaksanakan di organisasi anda




Bahagian 3: Integriti

Tahu dan faham maksud integriti




YA
100%

YA 100%




Melaksanakan tugas dan tanggungjawab saya dengan jujur dan amanah walaupun tiada orang melihat

Sama sekali tidak akan berkompromi dengan tindakan yang melanggar peraturan atau garis panduan yang ditetapkan.



Tidak akan melakukan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan nama baik organisasi.

Saya memilih untuk berpegang teguh kepada nilai-nilai integriti walaupun ianya menggugat masa depan saya.



BIDANG KEUTAMAAN

OACP SEDA MALAYSIA

OPERASI DAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL

Menginstitusi Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan
Undang-Undang.

PEROLEHAN, KEWANGAN DAN PELABURAN

Mempertingkatkan Keberkesanan Dan
Ketelusan Dalam Perolehan, Kewangan Dan
Pelaburan Melalui Pengukuhan Tatacara Bagi
Tadbir Urus Yang Baik.

GOVERNANS DAN PENTADBIRAN

Memperkasa Kecekapan Pelaksanaan Sumber
Manusia Dan Governans Secara Intensif,
Menyeluruh Dan Mampan.

ANALISA KUADRAN: PELAN TINDAKAN OACP SEDA MALAYSIA

Analisis Kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi kesemua inisiatif yang telah dikenalpasti berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 39 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 39 inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran A – impak tinggi dan kompleksiti rendah dan Kuadran B iaitu mewakili inisiatif berimpak tinggi, dan kompleksiti tinggi serta memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya disamping mampu memberi kesan besar kepada transformasi tadbir urus negara dan ini berdasarkan keperluan kesegeraan untuk menangani rasuah.

